

Tempatan SPA buka pusat temu duga di Tawau

TAWAU: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Rabu membuka pusat temu dugaannya di Ba Zhong Commercial Centre untuk memberi kemudahan kepada orang ramai di Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Tawau untuk berurusan dengan agensi berkenaan termasuk menghadiri sesi temu duga.

Pembukaan pusat temu duga SPA yang dilengkapi kemudahan moden dan mampu menampung antara 80 hingga 100 calon pada satu-satu masa itu dirasmikan oleh Pengerusi SPA Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

"Kewujudan pusat temu duga SPA ini juga adalah manifestasi SPA untuk mendahulukan pelanggan dan mendekatkan lagi perkhidmatan SPA ke peringkat negeri.

"SPA berhasrat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan menjadikan pusat temu duga ini sebagai pusat sehenti yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan," kata Jamaluddin ketika berucap merasmikan pusat itu.

Selain Tawau, pusat serupa sudah diwujudkan di Kota Baharu, Kelantan, Kuantan, Pahang, Ipoh, Perak, Johor Baharu, Johor, Alor Setar, Kedah dan Sandakan, Sabah, katanya.

Jamaluddin berkata langkah SPA membuka pusat temu dugaannya di seluruh negara adalah selaras dengan peranan penting agensi awam itu untuk menentukan tahap kualiti modal insan



JAMALUDDIN merasmikan Pusat Temu Duga SPA di Pusat Komersil Ba Zhong, Khamis. – fotoBERNAMA

yang memasuki perkhidmatan awam selain memiliki kecemerlangan akademik juga mempunyai sahsiah yang unggul.

Katanya pembukaan pusat temu duga itu adalah sebahagian daripada usaha SPA untuk memenuhi tanggungjawab yang diletakkan masyarakat kepadanya yang mahu agensi perkhidmatan awam berkenaan sentiasa menjaga kredibilitinya sebagai pihak berkuasa melantik yang adil, telus dan berwibawa.

Sementara itu, Jamaluddin berkata jumlah permohonan untuk pelbagai jawatan dalam perkhidmatan

sepanjang tahun lalu ialah 1,661,687 calon berbanding 1,527,070 calon pada tahun 2009.

Katanya daripada jumlah permohonan sepanjang 2010 itu, seramai 44,348 calon telah dilantik oleh SPA berbanding 50,756 calon pada tahun 2009.

Jamaluddin berkata pada tahun 2009, seramai 33,301 calon yang terdiri daripada anak-anak Sabah telah dipanggil untuk ditemu duga dan daripada jumlah itu 4,598 calon telah dilantik berbanding 24,166 calon ditemu duga pada tahun 2010 dengan 3,587 calon telah dilantik. – Bernama



Jamaludin (right) giving his speech during the opening of the centre.

DAILY EXPRESS 21-01-2011

DAILY
EXPRESS

PSC opens centre in Tawau

TAWAU: The Public Service Commission (PSC) opened an interview centre here Thursday to cater to job seekers here, Lahad Datu, Semporna and Kunak.

PSC Chairman Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri said the centre would be able to cater to the needs of between 80 and 100 candidates at a time.

"The PSC wants to give the best service to the people by making this interview centre a one-stop facility to channel information to our clients," he said when opening the centre at Ba Zhong Commercial Centre, here.

The PSC also has such centres in Kota

Baru, Kuantan, Ipoh, Johor Baru, Alor Setar and Sandakan.

Last year, there were 1.66 million applications received nationwide compared to 1.52 million in 2009.

Of the application in 2010, the PSC appointed 44,348 candidates compared to 50,756 in 2009.

He said in 2009, a total of 33,301 candidates from Sabah were called for interviews, of whom 4,598 were appointed to the service. Last year, 24,166 candidates from Sabah were interviewed, with 3,587 candidates securing jobs.

44,348 orang dilantik dalam jawatan awam

Oleh SHAMRY M SANI

samjax@yahoo.com

TAWAU: Seramai 44,348 orang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk menduduki pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam di negara ini pada tahun lalu.

Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Hj Ahmad Damanhuri, berkata dalam tempoh itu juga seramai 3,587 calon yang berjaya dilantik merupakan anak negeri Sabah.

Selain memastikan calon-calon mempunyai kelayakan cemerlang, katanya, suruhanjaya itu bertanggungjawab untuk mengendalikan temuduga secara adil tanpa mengira latar belakang kaum, agama, negeri kelahiran dan fahaman politik seseorang calon.



PUSATTEMUDUGABARU...Tan Sri Jamaluddin semasa merasmikan pusat temuduga SPA Tawau yang baru.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Pusat Temu Duga SPA Tawau yang baru di Pusat Komersial Ba Zhong, di sini, kelmarin.

"Pada tahun 2009, SPA telah menerima sebanyak 1,527,070 permohonan yang dibuat secara online, manakala bagi 2010 pula

seramai 1,661,687 calon telah memohon," katanya.

Dari segi perlantikan pula, seramai 50,756 calon telah dilantik SPA pada tahun 2009, berbanding dengan 44,348 calon pada 2010.

"Bagi kalangan anak-anak Sabah pula seramai 33,301 pemohon telah ditemuduga

dan seramai 4,598 calon telah berjaya dilantik di mana daripada jumlah tersebut, seramai 386 orang adalah dari Tawau."

Tahun 2010 menunjukkan seramai 24,166 calon dari negeri ini telah ditemuduga dan 3,587 orang telah berjaya dilantik dengan 302 daripadanya adalah dari Tawau.

Dalam pada itu, Jamaluddin memberitahu bahawa pihaknya turut mengadakan pembaharuan yang telah dilaksanakan dengan memperkenalkan kaedah pengambilan secara profiling yang juga dikenali sebagai 'MyRecruitment'.

Melalui kaedah ini, jelasnya, semua permohonan jawatan akan disaring melalui tapisan awal, peperiksaan, sesi penilaian kompetensi dan temuduga.

3,587 Sabahans successful in applying for posts with PSC

TAWAU: The Public Service Commission received about 1.7 million online applications last year from which, 44,348 of them succeeded in securing various posts.

And of the total number of successful applicants, 3,587 were Sabahans.

Commission chairman, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, assured yesterday that they will always give a fair chance to all Malaysians to apply for posts regardless their race, religion, state of origin and political ideology.

In addition to that, he said the commission continuously strives for improvement in its work process one of which is through the introduction of an intake method via profiling known as MyRe-

cruitment.

Through the method, which was introduced by the prime minister last year, all job applications goes through an initial screening, examination, competency assessment and interview session.

He explained that through this process the commission gets an overall assessment of a candidate and not just based on his or her academic qualifications. He also said that the method would determine whether an applicant is suitable for a post applied.

He said this yesterday after launching the PSC Interview Centre at Ba Zhong Commercial Centre.

The centre, which caters for applicants in the district, can accommodate up to 100 people at one time.



Jamaluddin launching the PSC Interview Centre at Ba Zhong Commercial Centre.